

## **Pola Sokongan Pengundi Dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14 di Kawasan DUN Bukit Pinang, Pokok Sena, Kedah**

*The Pattern of Voter Support in GE-14 and Post GE-14 in the Area of State Legislative Assembly  
of Bukit Pinang, Pokok Sena, Kedah*

Nur Fatimah Abd Aziz  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel : [ljab@ukm.edu.my](mailto:ljab@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14 (PRU-14) adalah keputusan yang luar biasa sekali dan pertama kali berlaku dalam sejarah apabila pakatan parti pembangkang berjaya menumbangkan parti pemerintah yang memerintah sejak pilihan raya pertama. Parti pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN) telah digulingkan daripada kuasa memerintah selepas lebih enam dekad menjalankan pemerintahan authoritarian oleh gabungan pembangkang baharu iaitu Pakatan Harapan (PH). Kemenangan BN adalah berdasarkan sokongan besar-besaran daripada masyarakat Melayu yang dominan dari segi politik, dan menggerakkan institusi kerajaan untuk menyokong parti namun kekalahan BN pada pilihan raya kali ini menunjukkan sokongan masyarakat terhadap parti itu telah beralih arah. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis pola sokongan pengundi dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di kawasan DUN Bukit Pinang, Pokok Sena, Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 28.01. Hasil daripada analisis kajian menunjukkan 76 peratus responden menyokong parti PAS. Hal ini menunjukkan parti dominan yang memenangi PRU-14 di Kawasan DUN Bukit Pinang adalah PAS. Selain itu, faktor sokongan pengundi kepada parti politik dlm PRU-14 di kawasan kajian adalah berdasarkan calon dan parti politik yang dipertandingkan. Seterusnya, senario politik semasa pasca PRU-14 di kawasan kajian menunjukkan bahawa responden percaya bahawa mengundi mampu memberi perubahan kepada keadaan ekonomi negara. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat memberi pemahaman tentang perkembangan politik dan pilihan raya agar ianya selari dengan prinsip demokrasi sebenar.*

**Kata kunci:** pilihan raya umum, pengundi, parti politik, pola pengundian, demokrasi, sistem pilihan raya

### **ABSTRACT**

*The result of the 14th Malaysian General Election (GE14) was a remarkable result and the first time in history when the opposition pact party managed to overthrow the ruling party that had ruled since the first election. The ruling Barisan Nasional (BN) party has been ousted from power after more than six decades of authoritarian rule by a new opposition coalition, Pakatan Harapan (PH). BN's victory was based on the massive support from the politically dominant Malay community, and mobilizing government institutions to support the party but BN's defeat in this election shows that the community's support for the party has shifted.*

*Therefore, the purpose of this study is to analyze the pattern of voter support in GE-14 and post GE-14 in the Bukit Pinang state legislative assembly constituency, Pokok Sena, Kedah. A study was conducted in the area to analyze the pattern of voter support for the 14th Malaysian General Election (GE14) in the state constituency. This study uses a field data collection method that involves questionnaires, interviews and field observations. Data analysis techniques were used using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 28.01. The results of the analysis of the study showed that 76 percent of the respondents supported the PAS party. This shows the dominant party that won GE-14 in the Bukit Pinang state constituency was PAS. In addition, the factor of voters' support for political parties in the GE-14 in the study area is based on the candidates and political parties contested. Furthermore, the current political scenario after GE-14 in the study area shows that respondents believe that voting can change the economic situation of the country. Therefore, it is hoped that this study can provide an understanding of political developments and elections so that it is in line with the principles of true democracy.*

**Keywords:** *general election, voters, political parties, voting patterns, democracy, electoral system*

## 1.1 Pengenalan

Pilihan raya diadakan bertujuan memilih kerajaan yang akan mentadbir negara. Bermakna, dalam sesebuah negara demokrasi, pembentukan kerajaan yang akan memerintah negara ditentukan oleh proses pilihan raya umum yang diadakan secara berkala. Menerusi pilihan raya, rakyat boleh menggunakan hak dan peluang tersebut untuk memberi mandat kepada parti politik yang bertanding memerintah negara (Mohd Azri & Sity 2008).

Keputusan dan pola sokongan pengundi dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 menunjukkan terdapatnya trend yang jelas penguasaan parti politik bagi kawasan bandar dan luar bandar. Sepertimana sedia maklum bahawa kawasan bandar merupakan kawasan yang mempunyai tahap kemajuan yang lebih baik di samping akses maklumat melalui media sosial yang lebih meluas. Berbeza dengan kawasan luar bandar, sentimen politik pembangunan dan ideologi kepartian seperti sentimen perkauman dan agama masih menguasai pemikiran dan perasaan pengundi di kawasan tersebut di samping akses maklumat yang terhad kepada media arus perdana seperti televisyen, akhbar arus perdana dan radio. Justeru, keadaan sedemikian membentuk pola sokongan yang jelas kepada parti politik iaitu BN menguasai kawasan luar bandar manakala PH menguasai kawasan bandar. PAS pula menguasai kawasan separa bandar dan sebahagian kawasan luar bandar.

Kawasan kajian iaitu DUN Bukit Pinang hampir keseluruhannya berada di kawasan luar bandar. Di kawasan tersebut dapat dilihat bahawa masyarakat setempat mengamalkan sentimen agama dalam pemilihan parti politik. Tingkah laku pengundi akan mempengaruhi keputusan pilihan raya umum. Kejayaan PAS dalam memenangi kerusi DUN Bukit Pinang selama 3 penggal berturut-turut menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji pola mengundi di kawasan tersebut. Pola pengundian berdasarkan kawasan bandar dan luar bandar masih dapat dianalisis mengikut kawasan DUN, Parlimen, negeri dan kewilayahan yang berbeza keadaannya yang dipengaruhi oleh faktor nasional, negeri mahupun lokal atau setempat. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis pola sokongan pengundi pada PRU-14 dan pasca PRU-14 di Kawasan DUN Bukit Pinang, Pokok Sena, Kedah.

## 2. Tinjauan Literatur

Pilihan raya dalam masyarakat majmuk menguatkan lagi sifat perkauman di negara tersebut. Horowitzs (1983) dalam kajiannya bertajuk "Ethnic groups in conflict" berpendapat bahawa pengundi dalam masyarakat majmuk akan memilih kumpulan etnik mereka sendiri. Oleh itu, hari

pilihan raya merupakan hari pembancian etnik kerana pengundi akan memilih parti dan calon mengikut etnik mereka tersendiri. Persoalan tentang etnik sebagai asas penting dan kekal dipertikaikan oleh Barth (1969) yang mencadangkan untuk mengkaji sempadan etnik kerana kumpulan etnik berinteraksi dan saling berhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat yang lebih besar.

Sebagai individu tidak semestinya berinteraksi dan berhubungan dengan individu lain berdasarkan satu pengiraan etnik, dengan itu hubungan dan hubungan silang dapat berkembang walaupun berbeza etnik. Kajian ini menganggap bahawa perubahan dan transformasi sosial dalam masyarakat yang lebih besar dapat terjadi dan mempengaruhi pola pengundian dalam masyarakat. Kajian di Barat sebelum tahun 1950-an yang dijalankan oleh Butler (1951 & 1955) yang bertajuk "The British General Election of 1951 and 1955" berkaitan tingkah laku pengundi tertumpu pada 'Mengapa setiap parti mendapat jumlah undi tersebut'. Kajian ini berkisar tentang jumlah undi yang diterima oleh setiap parti politik pada pilihan raya tertentu. Analisis kajian ini menggambarkan pola umum dan corak kestabilan jangka panjang undi yang diperoleh.

Kajian awal di Barat menunjukkan bahawa pemilihan parti dan pembuangan undi berkait rapat dan polanya agak stabil. Tetapi kajian pangundi yang dijalankan oleh Butler dan Stokes (1969 & 1974) yang bertajuk "Political Change in Britian" dan Miller et al (1990) yang bertajuk "How Voters Change: The 1987 British Election Campaign in Perspective" menunjukkan bahawa tingkah laku mengundi tidak menentu. Oleh sebab tingkah laku pengundi yang semakin tidak dapat diramal maka pelbagai kategori pengundi terapung dapat dikenal pasti.

Lazarsfeld (1948) dalam kajiannya "The People's Choice: How the voter makes up his mind in a presidential campaign" dan Berelson (1954) dalam kajiannya "Voting: A study of opinion formation in a presidential campaign" menggunakan model Columbia dan Michigan sebagai pendekatan kajian mereka. Model Columbia dan Michigan sangat mempengaruhi pendekatan awal untuk mengkaji bagaimana keputusan pengundi dan pemikiran mereka. Kedua-dua model ini pada dasarnya adalah deterministik sosial dalam pendekatan corak pengundian pengundi. Model ini menganggap bahawa tingkah laku mengundi adalah akibat dari lokasi sosial seseorang kerana mempengaruhi pilihan parti politik dan tingkah laku pengundian.

Lazarsfeld (1948) menyangkal pendapat tersebut kerana beliau berpendapat bahawa kumpulan sosial individu tersebut, sama ada ditakrifkan dari segi kelas, etnik, bangsa, agama atau apa sahaja, menentukan siapa yang akan diundi kerana semasa kempen politik, kumpulan sosial ini akan menjatuhkan anggota masing-masing dengan ideologi politik kumpulan itu.

Pada tahun 60-an, Michael Stenson (1980) dalam kajiannya "Class, race and colonialism West Malaysia: The Indian case" mengkaji masyarakat India di ladang getah dan mendapati bahawa kesedaran etnik mengatasi kesedaran kelas di Semenanjung Malaysia. Namun kajian pada tahun 90-an yang dijalankan oleh Loh Kok Wah (2001, 2002 & 2003) iaitu "Where has (ethnic) politics gone? The case of the BN non-Malay politicians and political parties in R.W. Hefner (ed) The Politics of Multiculturalism", "Developmentalism and the limits of democratic discourse. In F. Loh Kok Wah and Khoo Boo Teik (ed). Democracy in Malaysia: Discourses and Practices Richmond", "New Politics in Malaysia" dan kajian Abdul Rahman Embong (1998) "Social transformation, the state and the middle classes in post-independence Malaysia" serta Saravanamuttu (1992) "The state, ethnicity and the middle class factor: addressing non-violent change in Malaysia in Kumar rupesinghe (ed). Internal Conflict and Governance" menunjukkan bahawa etnik sebagai pengaruh yang besar terhadap pilihan pengundi tetapi bersifat sekunder kerana perkembangannya meningkat pada tahun 1990-an, peningkatan kemodenan dan etika komersial yang muncul telah mewujudkan kelas sosial yang berpecah dalam masyarakat Malaysia.

Karya H. Crouch (1980) "Malaysian Politics and the 1978 Election" dan J.S. Kahn (1992) "Fragmented Vision: Culture and politics in, contemporary Malaysia" menunjukkan bahawa kelas

menengah di Malaysia tidak mempunyai arah politik yang nyata. Sementara Johan dan Saravanamuttu (2003) berpendapat bahawa kumpulan kelas menengah telah memainkan peranan tersendiri dalam politik Malaysia. Tetapi karya-karya Abdul Rahman Embong (1998 & 2002) dan Francis Loh (2003) “New Politics in Malaysia” berusaha menjelaskan tingkah laku mengundi kelas menengah ini dengan beralih kepada gaya hidup dan kepenggunaan mereka yang tersendiri dan bukannya lokasi kelas mereka sebagai penentu dalam pilihan raya mereka. Oleh itu pengundi akan memilih calon dan parti politik yang berjaya menunjukkan pembangunan dan keuntungan material yang dapat diperoleh.

Junaidi et al. (2014) dalam kajian “Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan menggunakan pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi di kawasan DUN Kuala Besut (Terengganu), DUN Sungai Limau (Kedah), DUN Kajang (Selangor), DUN Balingian (Sarawak), Parlimen Bukit Gelugor (Pulau Pinang) dan Parlimen Teluk Intan (Perak)” mendapati sokongan pengundi di kawasan DUN Kuala Besut dipengaruhi oleh identifikasi parti, DUN Sungai Limau (identifikasi parti), DUN Kajang (sosiologi), DUN Balingian (pilihan rasional), Parlimen Bukit Gelugor (sosiologi) dan Parlimen Teluk Intan (pilihan rasional). Keadaan tersebut dipengaruhi oleh sumber maklumat politik, corak kempen, etnik calon, faktor kekeluargaan, agama, perkauman dan politik pembangunan. Justeru, senario politik dan pilihan raya di Malaysia menarik untuk dikaji dengan mempunyai variasi atau kepelbagaian pola pengundian berdasarkan faktor kawasan/lokasi geografi, ideologi politik, tahap pembangunan dan persekitaran sosial yang unik dan menarik untuk dikaji.

Ghazali (1990) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Pantai Merdeka, Kedah pada Mac 1990 pula mendapati terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penurunan majoriti yang diperolehi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil tersebut berbanding pilihan raya umum 1986 iaitu peratusan keluar mengundi yang rendah, isu calon BN yang muflis, dan kemunculan Parti Semangat 46 yang kebanyakan terdiri daripada bekas ahli UMNO telah menjejaskan sokongan BN dalam pilihan raya kecil tersebut.

Boey (1992) dalam melihat sokongan kaum Cina terhadap MCA dan DAP di kawasan DUN Kota Darulaman, Alor Setar, Kedah mendapati bahawa golongan yang berpendapatan dan berpendidikan tinggi lebih cenderung menyokong MCA berbanding DAP yang disokong golongan yang berpendapatan dan berpendidikan rendah serta kekalahan calon MCA dalam pilihan raya umum 1990 bagi DUN Kota Darulaman adalah disebabkan faktor perkhidmatan MCA yang kurang memuaskan serta berlaku perselisihan faham dalam MCA dan masalah calon yang dipertandingkan.

Ahmad Fawzi (1995), telah membuat satu kajian tentang perilaku pengundi di negeri Kedah selepas pilihan raya umum 1995. Kajian tersebut telah dijalankan di tiga kawasan parlimen di negeri Kedah iaitu kawasan Pendang, Kota Setar dan Jerlun yang melibatkan 1,118 orang responden. Kajian ini mendapati bahawa majoriti para pengundi di kawasan kajian mempunyai rasa tanggungjawab serta meletakkan nilai yang tinggi terhadap undi yang diberikan ketika pilihan raya. Didapati juga para pengundi berusaha untuk memastikan bahawa kerajaan yang terbentuk selepas pilihan raya merupakan sebuah kerajaan yang terbaik baginya. Justeru, responden lebih cenderung kepada ciri-ciri teori pilihan rasional ketika mengundi.

Sementara itu, Norlaila (2000) yang mengkaji persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru di daerah Sik, Kedah. Kajian ini mendapati persepsi positif terhadap politik dan mempunyai partisipasi politik yang tinggi. Hal ini kerana para guru dan pihak kerajaan memberi lebih penekanan terhadap masalah sosial remaja dan pendidikan serta mengambil berat masalah rakyat setempat. Ghazali (2000) dalam kajian yang dilakukan pada tahun 1997 di DUN Sala, Kedah dengan tumpuan utama adalah untuk mengetahui adakah terdapat wujudnya perbezaan sosioekonomi antara penyokong PAS dan UMNO seperti mana kajian-kajian pada 60-an dan 70-an dahulu oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian Scott (1985) umpamanya mendapati PAS lebih banyak disokong oleh

golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, kajian Ghazali mendapati bahawa 'warna kulit' penyokong PAS dan UMNO semakin sukar dikenalpasti iaitu merujuk kepada tidak wujud perbezaan yang jelas dari segi kelas dan ekonomi antara penyokong UMNO dan PAS.

### **3. Metodologi Kajian dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 *Tata Cara Pengumpulan Data***

Bagi memantapkan penulisan artikel ini, data kuantitatif dan kualitatif digunakan sebaiknya. Kaedah kuantitatif melibatkan data yang berangka dan kaedah ini digunakan bagi membuktikan dan menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Kaedah ini digunakan kerana ia berupaya menghasilkan keputusan yang tepat dan sah dalam objektif kajian. Data yang diperoleh menerusi kaedah ini adalah tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang mendalam. Teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini adalah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Data kuantitatif dan kualitatif yang digunakan dalam penulisan ini diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden di kawasan kajian, manakala data sekunder diperoleh menerusi rujukan sekunder bahan bercetak dan sumber atas talian yang berkenaan seperti laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding dan buku rujukan ilmiah.


#### **3.2 *Analisis Data***

Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Data yang diperoleh melalui kajian lapangan dianalisis untuk mengetahui pola sokongan pengundi di kawasan tersebut. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 28.0.1. Maklumat demografi tentang responden akan dianalisis melalui statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan untuk menilai jawapan yang diberikan oleh responden melalui skala Likert dipersembahkan.

#### **3.3 *Kawasan Kajian: DUN Bukit Pinang, Pokok Sena***

Kawasan kajian yang dipilih adalah DUN Bukit Pinang yang terletak dalam kawasan Parlimen Pokok Sena. Bukit Pinang merupakan sebuah pekan dan mukim yang terletak di daerah Pokok Sena, Kedah, Malaysia. Bukit Pinang merupakan nama baru bagi DUN Langgar. Nama Bukit Pinang diambil sempena banyaknya pokok pinang di bawah bukit di kawasan tersebut. Bukit Pinang merupakan ibu negeri Kedah sebelum dipindahkan ke Alor Setar pada pertengahan kurun ke-18 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II (1710 - 1778).

Terdapat 16 daerah mengundi dalam DUN Bukit Pinang yang terdiri daripada kawasan bandar/pekan, separa bandar dan luar bandar. Kawasan bandar terdiri daripada Bukit Pinang, Pondok Langgar & Taman Bayu manakala separa bandar merangkumi Kampung Langgar B, Kampung Bohor, Kampung Sungai Mati & Hutan Kampung. Luar bandar/kampung merangkumi Lepai, Tualang, Alor Senibong, Paya Lengkuas, Titi Baru, Telok Jamat, Limbong, Kubang Lintah & Kg Alor Setol (Lihat Rajah 1).



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Bukit Pinang, Pokok Sena, Kedah  
Sumber: Diubahsuai daripada SPR, 2018

Jumlah daftar pemilih terkini sehingga 2018 di DUN Bukit Pinang adalah seramai 29,128 orang yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Bumiputera dan lain-lain. Bukit Pinang mempunyai penduduk yang agak heterogen yang terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama; orang Melayu, Cina dan India serta beberapa kumpulan etnik Siam Malaysia, sama seperti kebanyakan negeri Malaysia yang lain.

Kawasan Bukit Pinang dipilih kerana keupayaannya dalam mengekalkan rekod kemenangan kepada calon PAS sehingga PRU-14. PAS dengan calonnya iaitu Wan Romani Wan Salim menang dengan memperoleh 10,432 undi mengalahkan calon PH/PKR iaitu Che Mat Dzaher Ahmad dan calon BN/UMNO iaitu Dr. Mohammad Nawar Ariffin. Pada PRU-13 kerusi DUN Bukit Pinang dimenangi oleh penyandang yang juga calon PAS iaitu Wan Romani Wan Salim.

#### 4. **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

##### 4.1 ***Pola Sokongan Pengundi, Demografi Responden dan Sumber Maklumat Politik dan Isu Semasa Responden***

Pilihan Raya Umum ke-14 telah diadakan pada hari Rabu bersamaan 9 Mei 2018. Seramai 29,041 orang pemilih yang berdaftar layak melakukan pengundian di kawasan DUN Bukit Pinang. Pola sokongan kali menunjukkan bahawa DUN Bukit Pinang merupakan kubu kuat bagi parti politik PAS kerana PAS menunjukkan prestasi yang baik dengan memenangi 15 kerusi DUN. Hal ini amat menarik untuk dilihat dan dikaji memandangkan sokongan pengundi bagi parti politik PAS sangat utuh dan tidak berubah. Kawasan DUN ini bersempadan dengan negeri Perlis dan berada dalam

kawasan Parlimen Pokok Sena. Terdapat tiga orang calon yang bertanding di kawasan ini iaitu PAS dengan calonnya iaitu Wan Romani Wan Salim, calon PH/PKR iaitu Che Mat Dzaher Ahmad dan calon BN/UMNO iaitu Dr. Mohammad Nawar Ariffin. Keputusannya memihak kepada Wan Romani Wan Salim dengan majoriti 10,432 undi yang mengalahkan calon PH/PKR iaitu Che Mat Dzaher Ahmad dan calon BN/UMNO iaitu Dr. Mohammad Nawar Ariffin.

Sokongan pengundi di Kawasan ini terhadap BN/UMNO juga semakin memudar. Pengundi mula berubah sokongan dan tidak lagi menjadikan BN/UMNO sebagai pilihan utama apabila BN/UMNO banyak terpalit dengan isu yang sensitif. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Nizar et al. (2016). Beliau menjelaskan bahawa tingkah laku pengundi Melayu di Kedah bercorak pendulum iaitu menghayun ke kiri dan berlaku hakisan sokongan terhadap UMNO. Trend ini mula berlaku dalam PRU-11 (2004), PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013). Kemuncak hayunan dan penolakan terhadap UMNO dimanifestasikan pada PRU-14 pada 2018. Jadual 1 menunjukkan demografi responden di DUN Bukit Pinang iaitu kawasan kajian.

JADUAL 1. Demografi responden di kawasan kajian (Peratus)

Latar belakang sosioekonomi responden	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	
Lelaki	62
Perempuan	38
<b>Status Perkahwinan</b>	
Bujang	16
Berkahwin	76
Janda	2
Duda	6
<b>Umur</b>	
21-30	14
31-40	20
41-50	24
51-60	26
61-70	14
71 dan ke atas	2
<b>Bangsa</b>	
Melayu	84
Cina	10
India	6
Lain-lain	0
<b>Agama</b>	
Islam	84
Buddha	6
Hindu	4
Kristian	4
Tiada agama	2
<b>Tahap Pendidikan Tertinggi</b>	
Sekolah Menengah	54
Kolej/Universiti	44
Lain-lain	1
<b>Pekerjaan</b>	
Kakitangan Kerajaan	20
Kakitangan Swasta	14

Kilang	4
Sendiri/Berniaga	14
Perkhidmatan Makanan/Barangan	4
Petani	6
Pesara	18
Belajar	4
Suri Rumah	12
Tidak Bekerja	4
<hr/>	
<b>Pendapatan Isi Rumah</b>	
< RM 2,500	34
RM 2,501 – RM 4,850	28
RM 4,851 – RM 7,100	26
RM 7,101 dan RM 10,970	8
RM 10,971 – RM 15,040	2
> RM 15,041	2
<hr/>	
<b>Lokasi</b>	
Bandar	50
Luar Bandar	50
<hr/>	
<b>Daerah Mengundi</b>	
Taman Bayu	50
Tualang	50

*Sumber: Soal Selidik 2022*

Keputusan di DUN Bukit Pinang menunjukkan PAS berjaya meraih kemenangan berdasarkan sokongan daripada pengundi Melayu. Dua daerah mengundi yang terdiri daripada majoriti pengundi Bumiputera Islam iaitu Pokok Sena dan Kota Setar memihak kepada PAS. Majoriti pengundi yang terdiri daripada 84 peratus kaum Melayu dan minoriti terdiri daripada kaum Cina 10 peratus dan India 6 peratus menunjukkan bahawa sokongan terhadap PAS adalah berdasarkan sentimen etnik dan agama. Penduduk beragama Islam adalah sebanyak 84 peratus yang mendominasi DUN ini. Kawasan ini juga terdiri daripada minoriti penduduk Cina menyebabkan sokongan yang rendah terhadap parti politik UMNO dan PH.

Pengundi DUN Bukit Pinang termasuk di kalangan Bumiputera Islam mempunyai banyak pertimbangan seperti faktor kos sara hidup (bread and butter) sebelum membuat pilihan mereka. Ini kerana sebahagian besar pengundi di DUN Bukit Pinang terdiri daripada golongan B40 iaitu sebanyak 34 peratus yang harus memikirkan sumber kewangan mereka, di tengah-tengah pelbagai subsidi dan bantuan daripada kerajaan dikurangkan. Jika mereka undi menentang kerajaan hari ini, mereka berdepan dengan risiko nama mereka kena senarai hitam untuk menerima sebarang bantuan kerajaan. Bagi sesetengah golongan Bumiputera, dalam politik pembangunan ini sebarang bantuan daripada kerajaan kepada mereka adalah amat penting. Latar belakang responden juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pola pengundian. Majoriti pengundi di kawasan tersebut berumur dalam lingkungan 51-60 tahun maka mereka lebih lebih PAS atas dasar agama. Hal ini kerana pengundi pada baya tersebut lebih memfokuskan diri untuk dekat dengan agama dan melakukan ibadah.

Kajian mendapati bahawa majoriti responden membaca akhbar Berita Harian iaitu 18 peratus dan menonton TV3 iaitu 34 peratus untuk mendapatkan sumber maklumat politik mereka selain mendapatkan maklumat daripada media sosial seperti WhatsApp (Lihat Jadual 2). Sebanyak 22 peratus responden yang menggunakan WhatsApp manakala 4 peratus lagi menggunakan Free Malaysia Today untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan politik. Hasil analisis juga



mendapati bahawa majoriti responden meletakkan kepercayaan tinggi kepada sumber maklumat media elektronik.

JADUAL 2. Sumber maklumat politik dan isu semasa (Peratus)

<b>Media Cetak</b>	<b>Peratus Ya</b>
Berita Harian	18
Utusan Malaysia	8
Sinar Harian	10
Kosmo	4
New Straits Times	10
Poster	2
Harakah	16
Risalah/flyers/brosur	2
Buku-buku politik	2
Suara Keadilan	2
The Star	10
Akhbar Cina	10
Akhbar Tamil	6
<b>Media Elektronik</b>	<b>Peratus (%)</b>
Tv3	34
Tv1	14
Astro Awani	14
Tv2	8
Tv7	4
Bernamea TV	4
Tv9	12
Al-Hijrah	2
Astro AEC	4
<b>Media Online/Sosial</b>	<b>Peratus (%)</b>
Facebook	18
WhatsApp	22
Twitter	14
Instagram	6
Youtube	10
Bernamea Online	4
Astro Online	4
Telegram	6
The Malaysian Insight	6
Media Online Parti Politik	6
Free Malaysia Today	4

*Sumber: Soal Selidik 2022*

Penggunaan internet sebagai media alternatif adalah amat berkesan dalam menentukan arah tuju keputusan pengundian. Media siber digunakan sebagai landasan utama untuk calon berkempen. Media siber digunakan sepenuhnya oleh parti pembangkang untuk berdepan dengan media konvensional yang dilihat lebih berpihak kepada kerajaan PH. Media siber mengubah kaedah berkempen seperti ditunjukkan dalam pilihan raya umum kali ini. Selama ini kaedah berkempen secara konvensional seperti perang poster memainkan peranan yang cukup besar dalam mempengaruhi pengundi. Peranan media alternatif ini secara meluas dan signifikan dilihat dalam kempen pilihan raya umum 2018 dengan langganan dial-up yang menjangkau 11.76 juta orang.

Sebelum ini, blog, e-mail, video dalam you tube dan SMS menjadi pilihan meluas pemimpin politik dan juga pengundi yang menyokong parti pembangkang untuk berkempen dan berhubung sesama mereka. Namun berdasarkan data terkini, 60 peratus (15 juta) daripada 28 juta rakyat

Malaysia telah mengakses internet untuk mendapatkan maklumat politik. Terdapat 500,000 blogger yang aktif di Malaysia dengan 10,000 website di Malaysia melalui penetrasi/penembusan sebanyak 40 peratus sekaligus merupakan salah satu daripada komuniti online terbesar di dunia selepas Indonesia dan Kesatuan Eropah (Kaufman 2008).

Medium tersebut menjadi penting akibat keruntuhan kredibiliti media arus perdana (media tradisional) iaitu media cetak dan media elektronik. Keadaan sedemikian membuatkan rakyat menerima medium digital sebagai media alternatif sebagai saluran meluahkan pandangan. Berkempen menerusi alam siber khususnya laman web, blog politik, khidmat pesanan ringkas (SMS), emel dan persidangan video menjadi kaedah baru yang menghangatkan suasana berkempen sama ada membabitkan parti atau calon yang bertanding bagi tempoh kempen hinggalah hari pembuangan undi (Ramanathan 2008).

#### 4.2 Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14

Secara umumnya kajian ini telah memberi penekanan kepada PRU di DUN Bukit Pinang. Berdasarkan penelitian terhadap sumber maklumat kajian, didapati bahawa secara tradisinya dalam PRU-14, kerusi DUN Bukit Pinang biasanya dimenangi oleh parti PAS menerusi calonnya Wan Romani Wan Salim yang mengalahkan calon PH/PKR iaitu Che Mat Dzaher Ahmad dan calon BN/UMNO iaitu Dr. Mohammad Nawar Ariffin. Kejayaan paling bermakna adalah pada PRU ke 14 apabila calon PAS memenangi pilihanraya tersebut dengan kemenangan tipis iaitu sebanyak 10,432 undi berbanding dengan kemenangan pada PRU sebelumnya dengan majoriti sebanyak 12,152 undi mengalahkan calon BN iaitu Mohd Mukhtar Noor dengan undian sebanyak 10,480. Kejayaan parti PAS ini adalah setelah pertandingan 3 penjuru antara PKR dan BN. Parti Barisan Nasional menerusi calon parti komponennya Dr. Mohammad Nawar Bin Ariffin telah berjaya memenangi PRU-14 tersebut dengan majoriti sebanyak 6,289 undi sahaja.

PAS mendahului jauh parti lain sehingga mencapai kemenangan yang sangat selesa di kawasan DUN ini. Tambahan pula, selain merupakan kawasan kubu kuat PAS, kepimpinan pemimpin PAS sebelum ini iaitu Wan Romani Wan Salim amat disenangi oleh penduduk tempatan. Apabila beliau masih bertanding untuk PRU-14, penduduk setempat lebih memilih untuk mengundi beliau. Disebabkan pemimpin terdahulu lebih disenangi penduduk DUN Bukit Pinang, maka mereka tetap memilih PAS disebabkan faktor mengenang budi dan figura YB terdahulu yang masih kuat dalam kawasan itu. Justeru, tidak hairanlah jika golongan belia juga ramai memilih PAS pada PRU-14 kerana menyenangi ideologi parti itu dan juga pemimpinnya. Selain itu, ramai pengundi di Kawasan tersebut masih menyokong PAS kerana ramai yang yakin dengan perjuangan Islam yang PAS bawa. Hal ini kerana parti tersebut sememangnya sudah dikenali dengan membawa wadah Islam dalam perjuangan mereka (Lihat Jadual 3).

JADUAL 3. Parti Politik Pilihan PRU-14 (Peratus)

Bil.	Parlimen	Ya (%)	Bil.	DUN	Ya (%)
1.	PKR/Pakatan Harapan (PH)	16	1.	PKR/Pakatan Harapan (PH)	16
2.	Barisan Nasional (BN)	8	2.	Barisan Nasional (BN)	8
3.	Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN & BERJASA)	76	3.	Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN & BERJASA)	76

Sumber: Soal Selidik 2022

Berdasarkan Jadual 3 dapat dilihat bahawa majoriti memilih PAS iaitu sebanyak 76 peratus berbanding BN 8 peratus. Pemilihan parti politik ini dipengaruhi oleh minat responden terhadap politik. Sebanyak 46 peratus tidak berminat manakala 44 peratus. Trend politik semasa dilihat antara penyumbang kepada senario itu berlaku. Selain itu, perkembangan teknologi maklumat dan media baru menyebabkan responden itu tidak lagi mengakses maklumat daripada media konvensional tetapi "mencipta" maklumat dan membentuk pandangan tersendiri. Terdapat segelintir daripada responden tiada lagi kepercayaan klasik kepada politik menyebabkan mereka tidak berminat kepada perkara berkaitan hal politik.

Sebanyak 70 peratus mengikuti perkembangan semasa tentang pilihan raya umum manakala 20 peratus tidak mengikuti perkembangan semasa. Responden yang mengikut perkembangan semasa tentang pilihan raya umum akan lebih cakna mengenai isu yang timbul sepanjang pilihan raya berlangsung. Pengetahuan tentang isu yang melibatkan parti politik bertanding dapat membantu pengundi untuk membuat pilihan yang bijak dalam memilih parti politik. Selain itu, sebanyak 36 peratus tidak menjangka bahawa BN akan tewas. Berdasarkan temu bual dengan responden dari parti PKR beliau menyatakan bahawa jangkakan kemenangan parti politik dalam PRU-14 tersasar kerana depa berpendapat kerajaan yang pemerintah terlalu utuh dan dapat sogokan daripada pemimpin buatkan depa yakin. Terdapat responden yang berpendapat bahawa pihak penganalisis politik tak ambil kira sokongan daripada golongan muda yang nak perubahan dalam politik.

### **4.3 Faktor Sokongan Parti Politik**

Bagi PRU-14 DUN Bukit Pinang, antara faktor utama sokongan pengundi terhadap parti politik ialah responden kenal calon dan parti politik yang bertanding di kawasannya. Sebanyak 74 peratus responden yang mengenali calon dan parti politik yang bertanding di kawasannya. Sokongan pengundi Melayu di DUN Bukit Pinang kepada PAS dalam PRU tersebut juga selaras dengan konsep identifikasi parti dan teori pilihan rasional. Konsep identifikasi parti disebabkan kepercayaan, keyakinan dan harapan pengundi yang tinggi terhadap PAS selaras dengan konsep identifikasi parti seperti yang dijelaskan oleh Campbell et al. (1960) iaitu wujudnya keterikatan seseorang individu kepada parti politik. Seseorang individu yang mempunyai ikatan identifikasi kuat terhadap sesuatu parti membawa ke arah memilih parti dan calon yang sama dalam setiap pilihan raya ke satu pilihan raya yang lain tanpa mengambil kira dengan perubahan dan isu semasa sama ada dalam dan luar negara.

Kebanyakan daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar menyokong PAS kerana mereka menganggap PAS yang menjadi tunjang dan juga tulang belakang kemajuan agama Islam. Orang Melayu di kawasan luar bandar berkecenderungan untuk menyokong seterusnya mengundi calon PAS kerana mereka ingin melihat keamanan, kemajuan, perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan politik serta masih bergantung kepada pembangunan berterusan di kawasan mereka. Mereka masih memerlukan pembangunan yang berterusan di kawasan mereka kerana masih ramai dalam kalangan mereka yang miskin dan terpinggir seterusnya memerlukan pembelaan parti bangsa Melayu tersebut. Justeru, dengan sokongan yang diberikan kepada PAS, mereka berharap kesinambungan pembangunan dapat diteruskan oleh pemimpin Melayu PAS untuk terus berkuasa dalam politik negara. Mereka juga berpandangan bahawa hanya PAS yang dapat memperjuangkan dan mempertahankan hak dan ketuanan Melayu serta memartabatkan institusi Raja/Kesultanan dan kesucian agama Islam. Mereka juga mahukan jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dikekalkan kepada pemimpin Melayu dengan harapan pemimpin Melayu ini dapat menjaga kedaulatan agama, bangsa dan negara tanah air.

PAS yang tiada kes rasuah dan penyelewengan menyebabkan pengundi Melayu memberi undi kepada PAS. Hal ini kerana jika dibandingkan dengan pemimpin dari parti lain yang sentiasa

terpalit dengan isu rasuah, PAS pula bersih dari isu tersebut. Faktor sokongan lain adalah pengundi yakin dengan parti majoriti yang disokong oleh orang Melayu. Jika dibandingkan dengan parti politik yang lain seperti BN, PKR mahupun DAP, jumlah penyokong dan ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang agama dan budaya yang berbeza. Oleh itu, kebanyakan pengundi Melayu lagi selesa mengundi parti yang mewakili hak dan suara masyarakat Melayu sendiri.

Dari segi isu nasional, pengundi Melayu juga menyokong PAS kerana mereka tahu manifesto dan janji yang dijalankan dalam kempen oleh calon dan parti politik yang bertanding. Manifesto yang ditawarkan oleh parti politik mempengaruhi sokongan pengundi (Lihat Jadual 4). Perkara ini selari dengan teori pilihan rasional. Ciri teori pilihan rasional terkait dengan pengundi Melayu bertindak mengundi PAS kerana mereka mendapat manfaat daripada dasar pro rakyat oleh PAS pimpinan presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang melalui penghapusan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan menggantikan dengan sistem cukai yang lebih adil dan sebagainya. Ini selaras dengan teori pilihan rasional seperti yang dihujahkan oleh Satz & Ferejohn (1994) yang menjelaskan bahawa pengundi memilih antara pengundi dan parti berdasarkan janji, prestasi politik yang lampau, dan isyarat lain yang secara jelas berkaitan dengan hasil dasar dan keutamaan pengundi sebagai antara pakej alternatif hasil dasar tersebut. Ini bermakna, pengundi akan membuat penilaian berdasarkan perkara terbabit sebelum mereka membuat keputusan dalam bentuk undian.

JADUAL 4. Faktor Sokongan Pengundi Kepada Parti Politik (Peratus)

Bil.	Faktor Sokongan Pengundi Kepada Parti Politik	Ya	Tidak	Tidak pasti
1.	Responden tahu berkenaan manifesto dan janji yang dijalankan dalam kempen oleh calon dan parti politik yang bertanding.	48	37	15
2.	Responden kenal calon dan parti politik yang bertanding di kawasannya.	74	10	16
3.	Responden yakin terhadap polisi daripada calon bertanding atau parti politik yang dijalankan dalam manifesto akan ditambah baik atau dapat dilakukan perubahan.	30	30	40
4.	Responden terlibat dalam sebarang perbincangan atau perdebatan berkaitan politik	7	78	8

*Sumber: Soal Selidik 2022*

#### 4.4 *Senario Politik Semasa Pasca PRU-14*

Senario politik semasa di negara ini, khususnya di DUN Bukit Pinang pasca PRU 14 dapat dinilai berdasarkan beberapa perkara yang diperoleh daripada responden. Pertamanya ialah responden akan mengundi pada pilihan raya umum ke-15 yang akan datang. Hampir 80 peratus menyatakan bahawa mereka akan mengundi pada pilihan raya umum ke-15 yang akan datang. Hal ini kerana mereka percaya bahawa mengundi mampu memberi perubahan kepada keadaan ekonomi negara dan 70 peratus bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kuasa ada di tangan pengundi dan mereka perlu menggunakan kuasa tersebut untuk memilih kerajaan yang boleh membela nasib rakyat pada pilihan raya yang akan datang. Rakyat seharusnya jangan mensia-siakan peluang yang ada kerana PRU ini akan mengubah masa hadapan negara ke arah yang lebih baik.

PRU bagi DUN Bukit Pinang telah membuktikan kemenangan calon parti PAS merupakan kesan daripada kerjasama yang baik antara parti-parti politik terutamanya Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN) dan terbaru, Barisan Jemaah Ismaiah Se-Malaysia (BERJASA). Kemenangan di Pusat Mengundi (PM) bagi kawasan yang majoriti pengundi Melayu atau Bumiputera

membuktikan tahap sokongan pengundi terhadap parti politik tersebut. Ini memberi gambaran awal dan semasa bahawa kerjasama ini adalah utuh dan berada pada tahap yang baik bagi gabungan parti-parti politik PAS, Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN) dan terbaru, Barisan Jemaah Ismaiah Se-Malaysia (BERJASA) di DUN Bukit Pinang pada ketika ini (Lihat Jadual 5).

JADUAL 5. Senario Politik Semasa Pasca PRU-14 (Peratus)

Bil.	Senario Politik Semasa Pasca PRU-14	Ya	Tidak	Tidak pasti
1.	Responden percaya bahawa mengundi mampu memberi perubahan kepada keadaan ekonomi negara.	70	16	14
2.	Responden yakin bahawa kerajaan sekarang bekerja mengikut janji mereka dan bekerja dengan cekap.	12	48	40
3.	Terdapat sebarang perubahan selepas PRU-14.	44	28	28
4.	Responden akan mengundi pada pilihan raya umum ke-15 yang akan datang.	80	8	12
5.	Responden akan mengubah sokongan terhadap calon pilihan anda atau parti politik pilihan selepas PRU-14.	18	50	32

*Sumber: Soal Selidik 2022*

Senario politik semasa yang dinyatakan informan temu bual iaitu informan 1 adalah seperti berikut:

“Senario politik la ni selalu berubah dan tak menentu. Susah nak jangka sebab bergantung kepada jumlah pengundi tua dan muda. Parti politik juga dilihat masih bergelut untuk mencari legitimasi politik bagi memenuhi janji-janji mereka sejak tsunami politik pada Mac 2008. Senario itu menimbulkan dilema kepada generasi muda mengenai persoalan adakah ahli politik hanya mewakili diri mereka atau menyuarakan hasrat rakyat di kawasan diwakilinya”

Majoriti responden memberi maklum balas bahawa setiap pemimpin mestilah menunaikan janji seperti yang termaktub dalam manifesto PRU 2018. Selain itu, responden menyuarakan supaya PAS sepatutnya lebih tegas dalam mempertahankan kesucian Islam dan hak istimewa Bumiputera. Sehubungan dengan itu, diharap supaya kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan bahan bacaan ilmiah kepada generasi akan datang khususnya bagi mereka yang akan menjalankan kajian tentang arena politik Malaysia di samping dapat membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai literasi atau kefahaman politik yang tinggi.

## 5. Rumusan dan Cadangan

PRU-14 bagi DUN Bukit Pinang merupakan gambaran umum berkaitan pola pengundian di negara ini serta menjadi penanda aras awal terhadap senario politik semasa kepartian di DUN Bukit Pinang. Dapat disimpulkan bahawa pola pengundian di negara ini masih berkait rapat dengan garis kaum dan agama. Selain itu, penanda aras awal senario politik negara dapat dirujuk kepada perkembangan politik sebagai kesan daripada pasca PRU14 DUN Bukit Pinang. Seperti yang telah dibincangkan di atas, senario semasa dapat dilihat dari aspek kesepaduan parti politik pemerintah yang diketuai oleh parti PAS dengan sokongan yang padu oleh beberapa parti seperti Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN) dan terbaru, Barisan Jemaah Ismaiah Se-Malaysia (BERJASA). Pada masa yang sama juga senario ini dapat diperhatikan berdasarkan kepada kedudukan parti politik pembangkang yang memperlihatkan sifat lemah dari aspek kesepakatan terutamanya sokongan pengundi etnik Cina serta pengaruh parti UMNO yang kurang jelas setelah peralihan beberapa ahli politik atau wakil rakyat

UMNO ke BERSATU. Perlulah ditegaskan bahawa senario ini tidak menentu dan politik adalah sesuatu yang fleksibel. Oleh itu, dapatan awal tentang isu ini masih perlu diperincikan melalui suatu kajian yang lebih sistematik.

## Rujukan

- Ahmad Fawzi Mohd Basri (1995). Pilihan Raya Umum 1995: Mandat baru menjelang 2000. *Dewan Masyarakat*, Mei.
- Barth, F. (1969). *Ethnic group boundaries: The social organization of culture difference*. Boston: Little, Brown & Company.
- Berelson, B.R., Lazarsfeld, P.E. & McPhee, W.N. (1954). *Voting: A study of opinion formation in a presidential campaign*. Chicago: University of Loh.
- Boey Chin Gan (1992). MCA atau DAP yang mendapat sokongan kaum Cina? Satu Tinjauan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Darulaman (N10). Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Butler, D. & Stokes, D. (1969). *Political Change in Britain*. London: Macmillan.
- Butler, D. & Stokes, D. (1974). *Political Change in Britain. 2nd edition*. London: Macmillan.
- Butler, D. (1951). *The British General Election of 1951*. London: Macmillan.
- Butler, D. (1955). *The British General Election of 1955*. London: Macmillan
- Campbell, Converse, Miller, and Stokes (1960). *The American Voter*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Ghazali Mayudin (1990). Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka Mac 1990. Laporan Akhir Teknik Penyelidikan. Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ghazali Mayudin (2000). 'Warna kulit' di sebalik penyokong UMNO dan PAS di Sala. Dlm. Maizatul Haizan Mahbob, Mohamad Zain Musa (eds). *Tinjauan Baru Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Horowitz, D.L. (1983). Ethnic groups in conflict. *The International Journal of African Historical Studies* 22(2): 295-297.
- Junaidi Awang Besar (2017). Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 12(2): 126-149.
- Kaufman, S. (2008), 'Malaysia's Alternative Media Become Decisive Political Factor,' <http://iipdigital.usembassy.gov>
- Lazarsfeld, P.F., Berelson, B. & Gaudet, H. (1948). *The People's Choice: How the voter makes up his mind in a presidential campaign, 2nd edition*. New York: Columbia University Press.
- Miller, W.L., Clarke, H.D., Harrop, M.L., Leduc, M.L. & Whiteley, P.E. (1990). *How Voters Change: The 1987 British Election Campaign in Perspective*. Oxford: Clarendon Press.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud (2014). Pilihan raya dan tingkah laku pengundi dalam PRU 2008: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. *Jurnal Kinabalu* 20: 1-26.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2016). Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di negeri Kedah: Satu tinjauan awal. *Malaysia Journal of Society and Space* 12(14): 79-85.
- Norlaila Bakar. (2000). Persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru: Kajian Kes di daerah Sik, Kedah. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramanathan S. (2008) *Mainstream Versus Alternate Media in Malaysia's General Election 2008: Hope for media liberalisation?* A paper presented at the AMIC 2008 conference, Manila.

- Saravanamuttu, J. (Jayaratnam) & Loh, Francis Kok-Wah (2003). *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Satz, Debra & Ferejohn, John. (1994). Rational choice and social theory. *Journal of Philosophy* 91 (2):71-87.